



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**06 JUN 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **305 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **63,870 kes**. Tiada kes kematian direkodkan hari ini.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 208 menjadikan jumlah kumulatif 61,015 orang. Seramai 1,681 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 500 orang di hospital dan 1,181 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 98 orang dan 29 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tenom bertukar dari zon jingga ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 17 daerah
- Zon Jingga satu (1) daerah
- Zon Kuning tujuh (7) daerah
- Zon Hijau dua (2) daerah

## Analisa Kes COVID-19 Di Sabah

- i Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan peningkatan sebanyak 46 kes iaitu daripada 259 kes kelmarin (05 Jun 2021) kepada 305 kes (06 Jun 2021).
- ii Daripada 305 kes jangkitan baharu hari ini, 178 kes adalah hasil daripada saringan kontak rapat, 64 kes adalah daripada saringan kluster, 34 kes adalah daripada saringan bergejala, empat (4) kes daripada saringan bersasar dan 25 kes adalah daripada lain-lain kes.
- iii Terdapat 11 daerah yang mencatatkan peningkatan kes hari ini dengan tujuh (7) daerah mencatatkan peningkatan kes pada julat satu (1) angka, manakala empat (4) lagi daerah lain mencatatkan peningkatan kes pada julat dua (2) angka iaitu Kudat 37 kes (+30), Kinabatangan 23 kes (+23), Kota Kinabalu 41 kes (+21) dan Tawau 72 kes (+14).
- iv Walau bagaimanapun, 12 daerah di Negeri Sabah mencatatkan penurunan kes. Sembilan (9) daerah mencapai penurunan kes dengan julat satu (1) angka manakala tiga (3) daerah lagi menunjukkan penurunan pada julat dua (2) angka iaitu Kota Marudu (-13), Sandakan (-12), dan Kunak (-12).
- v Pada hari ini, lapan (8) daerah mencatatkan sifar (0) kes iaitu Beluran, Telupid, Tongod, Kota Marudu, Ranau, Sipitang, Tenom dan Tambunan.
- vi Perubahan angka untuk keseluruhan daerah-daerah di Sabah adalah tidak statik kecuali daerah yang mengekalkan status Zon Hijau. Daerah Kudat, Kinabatangan, Kota Kinabalu dan Tawau secara kumulatif menyumbang kepada 173 kes dengan pertambahan sebanyak 88 kes berbanding kelmarin. Peningkatan kes menandakan kebarangkalian terdapatnya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan.
- vii Orang ramai digesa untuk kekal berada di rumah dan bagi mereka yang bekerja, hadkan pergerakan kerana kebergantungan penurunan kes atau jangkitan baharu adalah sangat dipengaruhi oleh sejauh mana komuniti mematuhi SOP Kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Terdapat **enam (6) kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Jalan Utama Sandakan** merupakan kluster tempat kerja yang mencatat jumlah terkini sebanyak 15 kes, Kes indeks adalah pekerja wanita, 51, di MPI Generali Insurans Berhad (Cawangan Sandakan) yang disahkan positif RTK Anitigen di klinik swasta pada 28 Mei 2021, setelah mengalami gejala demam pada hari sebelumnya. Susulan kes itu, hasil saringan terhadap 78 individu mengesan 14 lagi kes positif COVID-19 yang terdiri daripada tujuh (7) kes kontak di tempat kerja, lima (5) kes kontak serumah dan dua (2) kes kontak sosial. Siasatan awal mendapati penularan jangkitan berlaku di dalam ruangan tempat kerja syarikat insurans berkenaan.
- ii **Kluster Sawit, Kinabatangan** melibatkan penularan COVID-19 dalam kalangan komuniti dan tempat kerja iaitu di Ladang Sawit Syarimo, Kinabatangan. Kes Indeks merupakan kerani wanita, 25, yang dikesan positif RTK-Ag melalui saringan masuk kerja di Klinik Swasta Mabello Paris 3 pada 31 Mei 2021. Saringan kontak kemudiannya mendapati 28 lagi kes positif, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 29 kes. Jumlah tersebut merangkumi 14 kes kontak di tempat kerja manakala baki 15 kes adalah jangkitan terhadap kontak tanggungan (*dependant*). Semua kes positif kini menjalani kuarantin di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Risiko Rendah Kinabatangan selepas dinilai di Hospital Kinabatangan. Setakat hari ini, aktiviti disinfeksi diteruskan di lapangan untuk menilai sebarang jangkitan dan risiko kemungkinan jangkitan lebih meluas kepada pekerja ladang yang lain.

- iii **Kluster Murni C: Nabawan, Penampang** merupakan kluster yang tercetus berikutan majlis penghormatan terakhir dan pengebumian di Kg Murni C, Nabawan pada 20 hingga 21 Mei 2021. Kluster ini didaftarkan di Penampang apabila kluster indeks, lelaki warganegara, 33, mengalami gejala demam dan sesak nafas sejak 20 Mei 2021, disahkan positif di Klinik Kesihatan Penampang pada 22 Mei 2021. Pengesanan secara aktif berjaya menyaring 121 individu terdiri daripada keluarga, kontak rapat dan kontak kasual. Daripada jumlah tersebut, 21 kes didapati positif menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 25 kes, sementara 86 individu masih menunggu keputusan saringan pertama serta seorang (1) kontak pula negatif. Semua kes positif COVID-19 dalam kluster ini telah dirujuk ke hospital untuk rawatan lanjut. Aktiviti saringan dan kawalan masih giat dijalankan.
- iv **Kluster Tamalang, Kota Belud** melibatkan penularan jangkitan dalam komuniti yang merekodkan jumlah kumulatif positif COVID-19 sebanyak 27 kes. Pada 27 Mei 2021, kes indeks, lelaki, 25, dikesan positif selepas menjalani saringan bergejala di Hospital Kota Belud. Saringan kontak rapat kemudian mendapati 17 lagi kes positif RTK-Ag dan RT-PCR pada 27 Mei 2021 hingga 03 Jun 2021. Turut disahkan positif, sembilan (9) kontak sosial kepada Jurulatih Akademi Memandu Kota Belud di Kg Tamalang Kota Belud, memandangkan kes indeks menjalani latihan dan ujian memandu di akademi terbabit mulai 23 hingga 27 Mei 2021. Berdasarkan maklumat awal, penularan jangkitan dipercayai ekoran aktiviti sosial komuniti di lokaliti terbabit seperti kelas mengaji Al-Quran, latihan dan ujian memandu serta aktiviti ziarah keluarga dan jiran. Bagaimanapun, siasatan punca sebenar jangkitan dan saringan masih giat dijalankan.

- v **Kluster Kg Gusi, Papar** pada hari ini merekodkan enam (6) kes baharu positif COVID-19, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 25 kes. Kes indeks bagi kluster jenis komuniti dan keagamaan ini merupakan lelaki, 60, bersama isterinya yang mula bergejala sejak 28 Mei 2021 sebelum disahkan positif di Hospital Papar. Turut dikesan positif, 16 rakan serumah melalui saringan kontak rapat. Pada 04 Jun 2021, Pejabat Kesihatan Daerah Papar menjalankan saringan bersasar di Surau Al-Kautsar iaitu tempat kes indeks menunaikan solat maghrib dan Isyak. Daripada 31 jemaah yang disaring, lima (5) daripada mereka didapati positif. Dalam perkembangan berkaitan, dua (2) lagi kes positif dikesan masing-masing menerusi saringan bergejala di Hospital Papar dan saringan pra-rawatan di Hospital Gleneagles Kota Kinabalu pada 02 Jun 2021. Kedua-dua individu berkenaan adalah penduduk Kg Gusi dan mempunyai sejarah menunaikan solat di Surau Al-Kautsar sejak dua minggu lalu. Kini, aktiviti saringan dan kawalan masih giat dijalankan.
- vi **Kluster Ketiau Tembovo, Putatan** merupakan kluster jenis komuniti dan keagamaan yang merekodkan jumlah terkini sebanyak sembilan (9) kes positif COVID-19 bagi daerah Putatan. Kes indeks, lelaki, 63, dilaporkan mengalami gejala demam, batuk, sakit tekak dan hilang deria rasa sejak 27 Mei 2021, sebelum disahkan positif RTK-Ag di Klinik Kesihatan Putatan pada 29 Mei 2021. Susulan kes itu, saringan kontak pada 30 Jun 2021 mendapati lapan (8) lagi kes positif termasuk dua (2) kes kontak serumah dan enam (6) kes kontak rapat kepada rakan serumah kes indeks yang bekerja di kilang ayam, QL Agroventure Sdn. Bhd. Setakat ini, aktiviti saringan dan kawalan masih dijalankan secara aktif.

7 Jumlah kapasiti katil 4,086 unit

- Hospital 654 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,012 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 41.14%

**B DAERAH KOTA KINABALU, PUTATAN DAN PENAMPANG TIDAK LAGI DIKATEGORIKAN SEBAGAI SATU (1) DAERAH**

- 1 Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah (COVID-19) memutuskan bahawa daerah Kota Kinabalu, Putatan dan Penampang tidak lagi dikategorikan sebagai satu (1) daerah.
- 2 Keputusan ini dibuat setelah mengambilkira bilangan kes positif COVID-19 ketiga-tiga daerah tersebut yang telah mencapai 70 kes pada hari ini.
- 3 Sebagai usaha mengurangkan perjalanan yang tidak perlu maka orang awam tidak dibenarkan rentas daerah kecuali untuk perkhidmatan perlu (*essential services*) dan barangan perlu (*essential goods*).
- 4 Mulai **esok (07 Jun 2021)** PDRM akan melaksanakan pemeriksaan ketat kawalan larangan rentas daerah yang melibatkan tiga (3) daerah ini.

**C PERATURAN KEHADIRAN KE PEJABAT PENJAWAT AWAM NEGERI SABAH**

- 1 Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah (COVID-19) menetapkan **kehadiran kakitangan di organisasi masing-masing hendaklah sekurang-kurangnya 30% di pejabat masing-masing dan 70% bekerja dari rumah.** Arahan ini adalah **BERKUAT KUASA SERTA MERTA.**
- 2 Pelaksanaan ini berikutan peningkatan kes COVID-19 dalam kalangan penjawat awam, di samping kewujudan pelbagai kluster di seluruh daerah.

**D SEKATAN PERGERAKAN PENJAWAT AWAM DAN SWASTA SECARA ULANG ALIK DARI SABAH KE W.P LABUAN**

- 1 Bagi penjawat awam negeri dan persekutuan serta swasta yang bekerja secara ulang alik dari Sabah ke WP Labuan adalah **TIDAK DIBENARKAN** sepanjang tempoh PKP 3.0 **BERKUAT KUASA SERTA MERTA.**

- 2 Larangan ini adalah bagi mengekang penularan kes COVID-19 yang melibatkan pasangan suami isteri berulang alik dari Sabah ke W.P Labuan yang akhirnya terdapat enam (6) kes positif COVID-19 di Kg. Manggis Kuala Penyu.

## **E MASA OPERASI PERNIAGAAN DI SABAH**

- 1 Berikutan dengan bilangan kes positif COVID-19 hari ini yang mencecah 305 kes dan penambahan enam (6) lagi kluster baharu, maka Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah (COVID-19) memutuskan untuk menyeragamkan masa operasi perniagaan di seluruh Sabah. Masa operasi perniagaan ini adalah **BERKUAT KUASA SERTA MERTA**.
- 2 Masa operasi perniagaan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

## **F SOP AKTIVITI PERIKANAN DI SABAH**

SOP aktiviti perikanan di Negeri Sabah di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

## **G PKPD DI KAMPUNG ONGKILAN, KOTA MARUDU**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini telah melaporkan situasi kes COVID-19 di Kampung Ongkilan, Kota Marudu.
- 2 KKM mengesahkan terdapat peningkatan ketara kes di lokaliti ini apabila sebanyak 15 kes positif telah direkodkan hasil daripada 139 saringan dengan kadar positifiti 10.79%.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Ongkilan, Kota Marudu bermula 08 Jun sehingga 21 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM membuat pengesanan awal kes-kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin dan seterusnya mengekang penularan jangkitan COVID-19 ke komuniti lain.



## H **PKPD KAMPUNG BOLONG BARU, TUARAN**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi COVID-19 di Kampung Bolong Baru, Tuaran.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 53 ujian saringan dan 12 daripadanya dikesan positif COVID-19 dengan kadar positifiti ialah 22.6%.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Bolong Baru, Tuaran berkuat kuasa 08 Jun sehingga 21 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes bagi tujuan pengasingan serta melaksanakan saringan bagi kontak rapat

## I **PKPD 2 LOKALITI DI NABAWAN**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi COVID19 di Kampung Pulutan dan Kg. Murni C, Nabawan.
- 2 KKM mengesahkan berlaku peningkatan kes yang ketara di dua lokaliti ini apabila Kg. Pulutan merekodkan sebanyak 11 kes positif dari 96 individu disaring dengan kadar positifiti 11.46%. Manakala Kg. Murni C melaporkan 20 kes positif daripada 117 orang yang disaring dengan kadar positifiti 5.8%.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua lokaliti di Kampung Pulutan, Nabawan, Sabah (melibatkan Kampung Pulutan dan Kampung Murni C) berkuat kuasa 08 Jun sehingga 21 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes bagi tujuan pengasingan serta melaksanakan saringan bagi kontak rapat.

## **J PKPD 2 PERKAMPUNGAN DI KOTA BELUD**

1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi COVID19 di dua (2) perkampungan di Kota Belud iaitu:

- Kampung Tamalang
- Kampung Tuguson

2 Sehingga 05 Jun 2021, sebanyak 12 kes positif telah direkodkan hasil daripada keseluruhan 24 ujian saringan dilakukan oleh KKM dengan kadar positifiti 50%.

3 KKM juga mendapati kes telah menular dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua perkampungan seperti dinyatakan berkuat kuasa 08 Jun sehingga 21 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

5 Pelaksanaan PKPD memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes bagi tujuan pengasingan serta melaksanakan saringan kontak rapat.

## **K PKPD KAMPUNG BERGOSONG, PULAU SEBATIK, TAWAU**

1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi COVID19 di Kampung Bergosong, Pulau Sebatik, Tawau.

2 KKM mengesahkan berlaku peningkatan kes yang ketara di lokaliti ini apabila sebanyak sembilan (9) kes positif telah direkodkan selepas 16 individu disaring dengan kadar positifiti 56.25%.

3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Bergosong, Pulau Sebatik Tawau berkuat kuasa 08 Jun sehingga 21 Jun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes bagi tujuan pengasingan serta melaksanakan saringan bagi kontak rapat.

## **L PENAMATAN PKPD TAMAN ABAKA, LADANG TABLE, TAWAU**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Abaka, Ladang Table, Tawau yang dijadualkan tamat pada 07 Jun 2021.
- 2 Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 487 ujian saringan dan 49 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Taman Abaka, Ladang Table, Tawau pada 07 Jun 2021, seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

## **M STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **58,842** orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **53,049** orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **9,029** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **108,882** orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **467** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **32,618** orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 2,439 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 579,309 (mysejahtera 510,124 : laman web 68,952 : talian vaksinasi 233) bersamaan 19.8%.

## **N BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **340,496** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

## **O LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

1 Sejumlah 123 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 55,518 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 431 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 77 hebahan melalui kereta peronda dengan sembilan (9) tangkapan dibuat.

2 Sebanyak 125 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.

- 50 orang : Tidak memakai pelitup muka/Tidak memakai pelitup separuh muka dengan betul.
- 15 orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan.
- 15 orang : Keluar rumah tanpa alasan munasabah.
- 12 orang : Premis beroperasi lebih masa tanpa kebenaran.
- Empat (4) orang : Aktiviti terlarang.
- Sembilan (9) orang : Tiada penjarakan sosial.
- Tujuh (7) orang : Membawa penumpang berlebihan.
- 11 orang : Rentas negeri / daerah tanpa kebenaran.
- Dua (2) orang : Aktiviti sukan.

3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 137 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 40 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, dua (2) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.

- 4 Laporan Kompaun Pihak Berkuasa Tempatan
- i Lapan (8) Kompaun : Gagal mendaftar masuk premis menggunakan mysejahtera/ buku pendaftaran. Kompaun dikeluarkan di daerah Pitas, Keningau, Beluran dan Sipitang.
  - ii Satu (1) Kompaun : Pemilik premis gagal melaksanakan penjarakan sosial. Kompaun dikeluarkan di daerah Kudat.
  - iii Satu (1) Kompaun : Pemilik premis membenarkan pelanggan makan dalam premis / *dine in*. Kompaun dikeluarkan di daerah Sipitang.
  - iv Satu (1) Kompaun : Gagal menyediakan buku pendaftaran berdasarkan format yang ditetapkan. Kompaun dikeluarkan di daerah Telupid.
  - v Satu (1) Kompaun : Pemilik premis tidak menyediakan peralatan saringan suhu / saringan suhu tidak berfungsi. Kompaun dikeluarkan di daerah Putatan.
  - vi Dua (2) Kompaun : Tidak memakai pelitup muka di premis awam. Kompaun dikeluarkan di daerah Kinabatangan.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 306 lokasi melibatkan seramai 174 anggota APM.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 65 anggota di 70 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 10 premis, melibatkan lima (5) buah daerah iaitu di daerah Tuaran, Kinabatangan, Sandakan, Ranau dan Kota Kinabalu.
- 8 Sejumlah 376 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di sembilan (9) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 172 hebahan di seluruh Sabah

**P KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **95.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Tenom	96.5%
2	Sipitang	96.5%
3	Kota Marudu	96%
4	Keningau	96%
5	Kinabatangan	96%
6	Beaufort	96%
7	Beluran	96%
8	Semporna	95.5%
9	Kota Belud	95.5%
10	Tuaran	95.5%
11	Ranau	95.5%
12	Kudat	95%
13	Sandakan	95%
14	Kota Kinabalu	95%
15	Kunak	95%
16	Lahad Datu	95%
17	Tawau	95%
18	Papar	95%
19	Penampang	95%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**

## MASA OPERASI PERNIAGAAN DI SABAH

BIL	JENIS PERNIAGAAN	MASA OPERASI
1	Restoran, <i>cafe</i> , kedai makan, gerai makan, kenderaan bersaji ( <i>food truck</i> ), penjaja, medan selera, kedai serbaneka, perkhidmatan penghantaran ( <i>delivery</i> ) makanan, pembelian makanan secara bawa pulang ( <i>take away</i> ) dan pandu laju ( <i>drive thru</i> )	9.00 pagi hingga 5.00 petang
2	Pasar Awam / Pasar Harian	9.00 pagi hingga 5.00 petang
3	<p>Premis-premis berikut <b>DIBENARKAN</b> beroperasi dengan memastikan pematuhan SOP yang ditetapkan:</p> <p>a. Kompleks membeli belah <b>DITUTUP kecuali</b> hanya premis, pasar raya, pasar raya besar dan <i>departmental store</i> yang mempunyai seksyen makanan dan minuman, keperluan asas, kedai farmasi, penjagaan diri, kedai serbaneka, <i>mini mart</i> dan restoran untuk bawa pulang dan penghantaran ke rumah;</p> <p>b. Pasar raya, pasar raya besar, kedai farmasi, penjagaan diri, kedai serbaneka, <i>mini mart</i> dan kedai runcit serta <i>departmental store</i> <b>dibuka TERHAD kepada</b> seksyen makanan, minuman dan keperluan asas sahaja;</p> <p>c. Restoran, gerai-gerai serta <i>outlet</i> makanan;</p> <p>d. Dobi (termasuk layan diri);</p> <p>e. <i>Other Speciality Retail Store</i> (stesen minyak)</p> <p>f. Kedai penjagaan haiwan dan makanan haiwan;</p> <p>g. Kedai cermin mata dan barang optik;</p> <p>h. Kedai <i>hardware</i>;</p>	9.00 pagi hingga 5.00 petang

	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan alat ganti;</li> <li>j. E-dagang (semua kategori produk);</li> <li>k. Pemborongan dan pengedaran (semua kategori produk perkhidmatan perlu sahaja);</li> <li>l. Kedai elektrik dan elektronik;</li> <li>m. Kedai buku dan alat tulis;</li> <li>n. Pusat pengedaran dan penjualan kereta;</li> <li>o. Kedai peralatan sembahyang dan pengebumian;</li> <li>p. Pusat khidmat cucian kereta; dan</li> <li>q. Kedai menjual telefon, <i>handphonedan</i> membaiki telefon.</li> </ul>	
4	<p><b>PERDAGANGAN PENGEDARAN:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kompleks membeli belah <b>DITUTUP kecuali</b> hanya premis, pasar raya , pasar raya besar dan <i>departmental store</i> yang mempunyai seksyen makanan dan minuman, keperluan asas, kedai farmasi, penjagaan diri, kedai serbaneka, <i>mini mart</i> dan restoran untuk bawa pulang dan penghantaran ke rumah;</li> <li>2. Pasar raya, pasar raya besar, kedai farmasi, penjagaan diri, kedai serbaneka,<i>mini mart</i> dan kedai runcit serta <i>departmental store</i> <b>dibuka TERHAD kepada</b> seksyen makanan, minuman dan keperluan asas sahaja;</li> <li>3. Restoran, gerai-gerai serta outlet makanan;</li> <li>4. Dobi (termasuk layan diri);</li> <li>5. <i>Other Speciality Retail Store</i> (stesen minyak)</li> <li>6. Kedai penjagaan haiwan dan makanan haiwan;</li> <li>7. Kedai cermin mata dan barang optik;</li> <li>8. Kedai <i>hardware</i>;</li> </ol>	9.00 pagi hingga 5.00 petang



- |   |  |
|---|--|
| <ol style="list-style-type: none"><li>9. Bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan alat ganti;</li><li>10. E-dagang (semua kategori produk);</li><li>11. Pemborongan dan pengedaran (semua kategori produk perkhidmatan perlu sahaja);</li><li>12. Kedai elektrik dan elektronik;</li><li>13. Kedai buku dan alat tulis;</li><li>14. Pusat pengedaran dan penjualan kereta;</li><li>15. Kedai peralatan sembahyang dan pengebumian;</li><li>16. Pusat khidmat cucian kereta; dan</li><li>17. Kedai menjual telefon, <i>handphone</i> dan membaiki telefon.</li></ol> |  |
|---|--|



## STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) AKTIVITI PERIKANAN DI SABAH

Dikemaskini  
6 Jun 2021

SEKTOR	AKTIVITI	TEMPOH OPERASI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TERPERINCI (6 Jun 2021 – 14 Jun 2021)		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
			TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
Perikanan	<p>Nelayan yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Sabah dalam kawasan ESSZONE di jeti yang dibenarkan tertakluk permit yang dikeluarkan oleh Ketua Polis daerah berkenaan</p> <p>Kompleks SAFMA, Kota Kinabalu</p> <p>Nelayan Pesisir Pantai, Laut Dalam &amp; Akuakultur KECUALI di kawasan ESSZONE</p>	6.00 pagi – 2.00 petang	Penggunaan <u>hand sanitizer</u>	Mewajibkan penggunaan <u>hand sanitizer</u> atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun.	<p>Perikanan</p> <hr/> <ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti perikanan rekreasi</li> <li>Pusat taman laut, pameran dan aquarium</li> <li>Kapal Non-Conventional Ship (NCS) daripada Filipina dan Indonesia bagi aktiviti Barter Trade &amp; Transshipment</li> </ul>
			Pemeriksaan suhu badan dan pemakaian <u>pelitup/topeng muka</u>	Pemeriksaan dilaksanakan setiap hari terhadap nelayan, pekerja dan peraih dan mewajibkan pemakaian pelitup/topeng muka kepada pekerja.	
		Pergerakan pekerja	Dari rumah ke ladang dan dari ladang untuk pengambilan makanan.		
		Sanitasi di ladang, <u>hatcheri</u> dan fasiliti berkaitan	Dilaksanakan setiap hari sebelum atau selepas aktiviti bermula.		
		Penjarakan Fizikal di ladang	Memastikan penjarakan fizikal 1 meter semasa operasi.		
		12.01 pagi – 7.00 malam			
		24 jam			